



**Peranan
Sangha dalam
Alaf Baru**
Perspektif Biarawan

A G G A C I T T A B H I K K H U

Peranan Sangha dalam Alaf Baru

Perspektif Biarawan

Aggacitta Bhikkhu



Penerbitan Sasarakkha Buddhist Sanctuary

Diterjemah daripada buku Bahasa Inggeris
Role of the Sangha in the New Millennium: the Monastic Perspective
yang diterbitkan dahulu sebagai salah satu kertas dalam
Buddhism for a Richer Life (Buddhisme demi Kehidupan yang Penuh Bermakna)
[Suatu himpunan kertas untuk Persidangan Global Buddhisme 2002
7&8 Disember 2002; Shah Alam, Selangor, Malaysia]

Diterbit untuk *sebaran percuma* oleh
Sasanarakkha Buddhist Sanctuary
c/o 28 & 30, Tgkt 1,
Jln Medan Taiping 4,
Medan Taiping,
34000 Taiping, PERAK
MALAYSIA
T. 05 808 4429 F. 05 808 4423
E. office@sasanarakkha.org
W. <http://www.sasanarakkha.org>

Diterbit oleh
Kumpulan Penerbitan Sasanarakkha Buddhist Sanctuary (Bahasa Melayu)
Penterjemah: Leong Choi Hiang, Mokkhesini
Penyunting: Kumara Bhikkhu, Sumangala Tan
Pembantu Penyunting & Pembaca Prof: Tung Wai Hau, Low Kah Pin, Tan Chuan
Seng, Chiang Chong Aik, Lim See Ho, Sunanda Yap, Tung Wai Chee
Susun atur & reka bentuk kulit: Jotika (Sukhi Hotu)

Hak cipta © Sasanarakkha Buddhist Sanctuary Oktober 2003
Kebenaran untuk mencetak semula untuk sebaran percuma dan bukan untuk
kegunaan komersial boleh didapati secara bertulis daripada penerbit.

Cetakan ini: 2000 naskah
Dicetak oleh Setiakawan, Selangor.

KANDUNGAN

Kata Pendahuluan

Asal Usul Sangha, 3

Peranan Sosial Sangha, 12

Sindrom Alaf Baru, 22

Tinjauan Pemulihan, 24

Kawalan Kualiti Sangha, 26

Ringkasan, 34

Peranan Yang Lebih Bersifat Introvert, 35

Peranan Yang Lebih Bersifat Sosial, 37

Kawalan Kualiti Sangha, 39

Kesimpulan, 41

KATA PENDAHULUAN

Suatu peristiwa penting telah berlangsung di Sasanarakkha Buddhist Sanctuary (SBS) pada 13 Julai 2003 — pengangkatan samaneranya yang pertama. Dalam ucapan Bhante Aggacitta selepas upacara pengangkatan itu, beliau menyentuh tentang hubungan yang saling memanfaatkan antara Sangha dan orang biasa. Kata beliau, ketua biara SBS, cara yang paling asas bagi seseorang biarawan itu untuk membalas pemberian dana daripada orang biasa ialah dengan mematuhi tatatertibnya dan mengamalkan Dhamma. Dhamma boleh diamalkan pada pelbagai peringkat kematangan rohani kerana ia menarik hati orang yang mempunyai minat yang berlainan. Sama ada biarawan tersebut mengajar, mengaji, menjalankan upacara, atau melatih diri, dia sememangnya membalas budi penyokong-penyokongnya dengan memberi peluang kepada mereka untuk memungut hasil pemberian dana kepada seorang biarawan yang suci.

Buku kecil ini yang dicetak bersempena dengan Kathina 2003 merupakan kertas yang dikemukakan oleh Bhante Aggacitta dalam forum “Peranan Sangha dalam Alaf Baru” pada

Persidangan Global Buddhisme yang diadakan di Shah Alam, Malaysia pada Disember 2002. Ia menerangkan secara terperinci rasional dan perlunya pelbagai jenis biarawan yang terlatih dalam masyarakat moden ini.

Dalam ucapan beliau pada 13 Julai itu, beliau juga mengatakan bahawa di SBS, "... kami memang faham akan perkara ini dan tidak melatih hanya sejenis biarawan sahaja. Kami menyediakan latihan holistik serta peluang untuk perkembangan individu berdasarkan keperluan dan kecenderungan yang berbeza. Kami akan memberi sokongan kepada semua jenis biarawan, sama ada biarawan pengajian, biarawan amalan atau biarawan mubaligh. Kami mengalu-alukan mereka yang mempunyai kecenderungan yang berbeza datang datang menyertai kami supaya kita dapat mengekalkan ajaran Buddha secara berkesan pada semua peringkat masyarakat."

Sesungguhnya, SBS adalah manifestasi amalan yang dikhutbahkan oleh Bhante Aggacitta. Ia bertujuan memenuhi peranan Sangha yang disarankan oleh beliau.

Ketua Penyunting (edisi Bahasa Inggeris)

A

pabila saya merenungi tema bagi persidangan global ini yang berjudul “Buddhisme demi Kehidupan yang Penuh Bermakna” [Buddhism for a Richer Life], saya berasa sungguh kagum dengan kehidupan di planet Bumi yang begitu penuh dengan unsur Buddhisme. Kita mempunyai pelbagai keturunan, tradisi, aliran, mazhab, budaya dan lain-lain yang telah bertumbuh-tumbuh sejak kemangkatan muktamad Sang Begawan [Blessed One] Buddha Gotama. Wajarlah setiap satu daripadanya mempunyai Sangha tersendiri yang kaya dengan tradisi serta kanun tatatertib masing-masing.

Bukanlah mudah bagi seseorang menjadi ahli mana-mana Sangha, dan lebih sukar lagi penguasaan teori dan amalan hidupnya. Saya dengan rendah diri mengaku bahawa saya pun masih dalam proses menguasai cara hidup yang diamalkan oleh Sangha tradisi saya sendiri, dan

belum memulakan pembelajaran secara sempurna tentang cara hidup yang diamalkan oleh Sangha yang lain. Oleh itu, saya ingin memohon ampun daripada ahli Sangha tradisi lain kerana saya hanya dapat berkongsi pengetahuan melalui pemahaman yang saya peroleh daripada kitab-kitab Pali. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa kitab-kitab Vinaya dan Nikaya atau Agama yang terdapat dalam semua tradisi utama mempunyai banyak persamaan dari segi kandungannya. Jika perkara ini benar, maka apa yang ingin saya kongsi bersama mungkin boleh digunakan dalam tradisi yang lain juga.

Tajuk forum hari ini memberi bayangan bahawa peranan Sangha dalam alaf baru ini adalah berbeza dan akan berbeza sungguh berbanding dengan peranannya pada masa lepas. Sejauh manakah perbezaan itu, atau sejauh manakah peranan ini harus berbeza? Marilah kita selidikinya dengan mengkaji semula asal usul Sangha dan peranan sosialnya seperti apa yang tercatat dalam kitab-kitab Pali.

ASAL USUL SANGHA

Keturunan *samana* [pertapa] dan *brahmana* [paderi atau ulama] yang menjalani kehidupan yang berbeza daripada golongan berkeluarga [householders] sudahpun lazim pada zaman Putera Siddhattha Gotama. Secara amnya, para samana tersebut menjalani cara hidup yang keras [austere] tanpa hubungan kelamin [celibate]. Mereka tidak melibatkan diri dengan pekerjaan duniawi untuk menyara hidup. Ramai di antara mereka terdiri daripada golongan yang terpusat kepada guru manakala sebahagian kecilnya barangkali individualis. Mereka mempunyai satu hasrat yang sama, yakni mengatasi keinginan duniawi. Walau bagaimanapun, matlamat muktamad mereka dan cara untuk mencapainya mungkin jauh berbeza. Secara bandingan, brahmana tidak perlu mengamalkan cara hidup tanpa hubungan jenis, walaupun mereka mempunyai pilihan




untuk berbuat demikian. Kebanyakan brahmana barangkali mempunyai rumahtangga sendiri dan melibatkan diri dengan pelbagai jenis pekerjaan duniawi sambil menjalankan tugas-tugasnya seperti mengendalikan upacara amal dan membuat ramalan.

Apabila Putera Siddhattha meninggalkan warisan kerabat diraja demi mencari kebenaran, beliau menyertai golongan samana. Barangkali kita semua ketahui pengalaman beliau ketika menjalani latihan perantisan bersama Alara Kalama dan Udaka Ramaputta, dua guru pertapa terkemuka pada masa itu, serta usaha beliau sendiri dalam penyeksaan diri. Akhirnya, beliau menyedari bahawa dua kegiatan keterlampauan, iaitu menurut kehendak nafsu dan menyiksa diri, adalah sia-sia sahaja; and menemui semula “jalan tengah” dahulu kala yang menuju ke arah berakhirnya segala keduakaan.

Pencapaian kecelikan tertinggi [supreme enlightenment] oleh beliau membawa kepada evolusi satu golongan samana baru yang kurang keras cara hidup mereka. Beliau lebih suka

menggelar golongan tersebut “bhikkhu” dan “bhikkhuni” [peminta sedekah yang berasa gentar terhadap bahayanya kehidupan samsara]. Mereka ini adalah pengikut-pengikut langsungnya yang kebanyakannya sudahpun merupakan samana yang mengamalkan hidup yang keras selaras dengan taraf pertapaan yang diterima umum. Karisma dan kepetahan yang dimiliki oleh Sang Begawan secara beransur-ansur menarik ramai orang muda daripada masyarakat pelbagai strata agar “mara [go forth] dari rumah ke keadaan tiada rumah [homelessness]”. Ini termasuk agak ramai pemuda yang berasal daripada keluarga berada golongan bangsawan dan saudagar yang tidak begitu kuat jasmaninya untuk mencapai taraf hidup pertapaan yang diterima umum. Memandangkan terdapat pelbagai amalan pertapaan yang tidak mendorong ke arah kecelikan, Sang Begawan telah memberi banyak kelonggaran pada norma pertapaan pada masa itu. Ini mengakibatkan komuniti biarawannya sering digelar “Anak-anak Sakya yang Penuh Nikmat” oleh pertapa lain serta penyokong mereka.





Meskipun kehidupannya nyata kurang keras, Sangha atau komuniti biarawan itu masih patuh kepada corak hidup yang ternyata bersifat pertapaan berbanding dengan corak hidup golongan brahmana dan golongan berkeluarga. Sememangnya, matlamat muktamad ajaran Buddha adalah begitu luhur dan “jalan tengah” yang menujuinya begitu sukar sehingga orang berkeluarga yang sederhana akan menganggapnya di luar bidang kuasa mereka. Nampaknya, peninggalan hal ehwal duniawi adalah sesuatu yang penting, ataupun wajib, demi kebebasan mutlak daripada segala kedukaan. Senti-men ini memang jelas diungkapkan dalam beberapa sutta.

Kehidupan rumah adalah penuh sesak, satu jalan debu. Kemaraan bagai kelapangan. Bukanlah senang bagi orang yang menghuni di rumah menjalani kehidupan suci yang penuh kesempurnaan, penuh kemurnian dan berkilat

seperti kulit siput tergilap. Biarlah saya cukurkan rambut dan janggut saya, pakaikan jubah safron dan mara dari rumah ke keadaan tiada rumah.

SAMAÑÑAPHALA SUTTA (DN 2.191)

SUBHA SUTTA (DN 10.450)

CULAHATTHIPADOPAMA SUTTA (MN 27.288)

KANDARAKA SUTTA (MN 51.418)

“Keadaan tiada rumah” mempunyai makna khas dalam kitab suci agama Buddha. Seseorang yang baru diangkat menjadi biarawan [ordained] diberitahu agar bergantung kepada empat mata penanggungian [support; nissaya] yang asas dalam kehidupannya: kain yang telah dibuang, makanan sedekah, pangkal pokok dan air kencing. Walau bagaimanapun, seorang bhikkhu atau bhikkhuni bukanlah gelandangan. Seperti yang diterangkan secara ringkas tadi, pengikut-pengikut Sang Begawan yang terdahulu mungkin mengikuti arahan tersebut dengan teliti. Kemudian, setelah Sang Begawan memberi semakin banyak kelonggaran, biarawannya boleh menerima jubah yang siap dijahit, jemputan makanan, tempat penginapan dan

ubat, jika dipelawa sedemikian. Jadi, “keadaan tiada rumah” tidak bermaksud tidak mempunyai tempat penginapan atau rumah yang memuaskan. Sebaliknya, ia merujuk kepada ketidak-terlibatan dalam hal ehwal duniawi yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan orang berkeluarga—seperti pencarian rezeki, pertalian kekeluargaan dan sosialisasi—dan juga kepada suatu cara hidup yang ternyata berbeza dan ditandakan dengan amalan tatatertib moral [moral discipline] yang amat teliti, kawalan deria, kesedaran [mindfulness] dan kepuasan hati dengan kehidupan yang berhemat. Dalam perkataan Sang Begawan sendiri:

Selepas seketika, dia pun meninggalkan pengumpulan harta bendanya, baik besar mahupun kecil; dia meninggalkan puak sanak saudaranya, baik besar mahupun kecil; dia mencukur rambut dan janggutnya, memakai jubah safron, dan mara dari rumah ke keadaan tiada rumah.

Apabila telah mara sedemikian, dia hidup secara terkawal mengikut kekangan Patimokkha, dan

mempunyai tingkah laku serta tempat mendapat makanan yang sesuai. Setelah menerima peraturan latihan, dia melatih dirinya mengikut peraturan itu dan nampak bahayanya dalam kesilapan yang paling kecil. Dia memiliki tindak-tanduk dan tutur kata yang baik, mata pencariannya murni dan dia berdisiplin. Dia mengawal pintu fakulti derianya, memiliki kesedaran dan pemahaman jelas [clear comprehension], dan berpuas hati...

(IBID)

Keseluruhan Vinaya Pitaka dan hasil tulisan penafsirannya yang banyak sekali menumpu pada soal sah dan pelaksanaan tatatertib moral bagi Sangha. Secara ringkas, ia boleh dikelaskan kepada tiga bahagian tumpuan yang luas: latihan untuk perkembangan individu, peraturan demi kehidupan komunal yang harmoni, dan hubungan Sangha dengan orang biasa [laity]. Dalam Digha Nikaya, Sang Begawan menghuraikan secara terperinci tentang pelbagai jenis mata penghidupan yang salah dan tidak harus diamalkan oleh Sangha. Penelitian senarai tersebut mendedahkan banyak aktiviti yang

kelihatan tidak salah, seperti menilik nasib, membuat ramalan, menelah, mempreskripsi dan memberi ubat-ubatan, dan merayu pertolongan kuasa ghaib. Aktiviti-aktiviti tersebut kini dianggap ramai sebagai “perkhidmatan sosial yang penuh belas kasihan”. Senarai ini merupakan bahan bukti yang amat penting daripada ayat-ayat suci untuk menentukan kriteria bagi menetapkan garis sempadan peranan Sangha dalam masyarakat, sama ada pada masa silam, masa kini mahupun masa depan.

Apa yang jauh lebih sukar, berbanding dengan tatatertib moral luaran dan penghindaran mata penghidupan yang salah, ialah kawalan deria melalui amalan kesedaran dan pemahaman jelas yang berterusan. Kawalan deria sebenarnya menyokong amalan tatatertib moral, walaupun kenyataan seperti ini mungkin kelihatan bercanggah dengan urutan lazim dalam khutbah-khutbah Sang Begawan yang biasanya bermula dengan moral. Minda yang terkawal akan menahan punca yang boleh

mengakibatkan pelanggaran tata tertib atau niat untuk melanggar tata tertib, seperti yang terungkap dalam rangkap pertama Dhammapada: “Minda ialah perintis segalanya”. Untuk mengawal minda dengan baik, kesedaran kukuh adalah diperlukan. Untuk mencapai matlamat muktamad, kesedaran kukuh juga diperlukan. Untuk mengukuhkan kesedaran dengan sempurna, pemencilan diri dan usaha yang berterusan merupakan faktor-faktor yang membantu, seperti mana yang digambarkan dalam petikan di bawah:

Dengan badan tata tertib moral yang mulia ini, kawalan deria yang mulia ini, kesedaran dan pemahaman jelas yang mulia ini, serta kepuasan yang mulia ini, dia tinggal di tempat penghunian yang terpencil—di hutan, pangkal pokok, gunung, lurah, gua lereng bukit, tapak mayat, rimbunan hutan, kawasan lapang, sehimpun jerami. Sepulangannya dari pengumpulan makanan sedekah [almsround], selepas makan, dia duduk bersila, menegakkan badannya, dan membangkitkan kesedaran di hadapan...

(IBID)

Tidak lama kemudian setelah pengangkatannya menjadi biarawan, dengan menghuni keserorangan, bersuluk, tekun, penuh semangat dan tabah hati, yang mulia Magandiya secara mengetahui untuk dirinya dengan pengetahuan langsung, pada masa dan di tempat itu juga, tiba dan menetap pada matlamat unggul kehidupan suci demi yang mana anak-anak keluarga mara dari rumah ke keadaan tiada rumah. Dia mengetahui secara langsungnya: “Kelahiran telah dimusnahkan, kehidupan suci telah diamalkan, segala yang harus dilaksanakan sudahpun dilaksanakan, tiada lagi kelahiran yang seterusnya.” Maka yang mulia Magandiya pun menjadi salah seorang arahant.

MAGANDIYA SUTTA (MN 75.222)

Bukti ayat-ayat suci daripada Daftar Karya Pali [Pali Canon] seperti yang diungkap di atas menunjukkan bahawa secara ideal kehidupan biarawan patut diserahkan khas kepada usaha untuk mencapai matlamat unggul. Sang Beganwan sering mendorong para biarawan supaya berusaha dengan serta-merta “umpama orang yang kain kepalanya terjilat api”. Sifat suka

berkelompok dan bermulut murai tidak digalakkan. Namun, sebagai ahli komuniti biarawan, mereka dikehendaki melibatkan diri dengan tugas harian komunal serta membantu sesama sendiri sekiranya perlu—dan sudah tentunya dengan kesedaran dan pemahaman jelas. Kalau tidak, mereka digalakkan supaya menggunakan masa peribadi mereka untuk bersuluk dan mengamalkan “kesenyapan mulia”—suatu istilah khas yang bermaksud amalan bersenyap-senyap sedangkan menumpu perhatian pada objek meditasi.

PERANAN SOSIAL SANGHA

Namun begitu, Sangha tidak dapat wujud secara sendiri dengan keutamaan yang introvert itu, meskipun pada hakikatnya ahlinya diterima masyarakat sebagai golongan yang telah meninggalkan kehidupan duniawi. Kebebasan yang diperolehnya dengan tidak melibatkan diri dalam hal ehwal duniawi harus dibalas dengan anugerah Dhamma kepada para penyokong

bukan biarawan [lay supporters]—iaitu mereka yang ikhlas membekalkan keperluan hidup kepada para biarawan. Pembalasan dengan anugerah Dhamma boleh dilakukan melalui dua cara: teladan dan tunjuk ajar. Yang terutamanya ialah contoh biarawan ideal yang berdisiplin, berkawalan deria, sentiasa sedar, berkepuasan hati, hidup bersuluk dan berminda meditasi. Biarawan sebegini mencerminkan Sangha yang beramalan baik, dan oleh itu mereka wajar disanjung dan diberi barang sembahsan bagaikan mereka “sawah pahala yang tiada tandingan di dunia”. Itulah pembalasan yang diperlukan bagi menunjukkan teladan supaya “mereka yang belum senang hati (terhadap biarawan Buddhis) akan disenangkan hatinya dan mereka yang telah senang hati akan bertambah bilangannya”.

Bentuk balasan yang satu lagi kurang introvert dan lebih “berketerlibatan sosial”, iaitu berkongsi Dhamma dengan para penyokong bukan biarawan secara menyebarkan kasih sayang [loving-kindness], memberi bimbingan moral, mengajar, berbincang, dan sebagainya.



Kesyukuran merupakan salah satu nilai suci moral yang sering diajar oleh Sang Begawan. Dalam Sigalovada Sutta, beliau memberi penerangan yang amat jelas tentang hubungan saling menyokong antara Sangha dengan penyokongnya.

Anak keluarga, terdapat lima cara orang berkeluarga patut melayani para pertapa dan brahmin bagaikan mereka arah Rembang, iaitu:

- i dengan perbuatan yang penuh kasih sayang*
- ii dengan kata-kata yang penuh kasih sayang*
- iii dengan ingatan yang penuh kasih sayang*
- iv dengan sentiasa menerima kedatangan mereka*
- v dengan membekalkan keperluan jasmani mereka*

Para pertapa dan brahmin yang dilayani sebegini oleh orang berkeluarga bagaikan mereka arah Rembang pula menunjukkan belas kasihan kepadanya dengan enam cara:

- i menghindari dari pada kejahatan*
- ii memujuknya supaya berbuat baik*
- iii menyayanginya dengan hati yang baik*
- iv memperdengarkan apa yang belum didengarinya*
- v menjelaskan apa yang telah didengarinya*
- vi menunjukkannya jalan ke arah syurga*

Dengan enam cara inilah para pertapa dan brahmin menunjukkan belas kasihan mereka terhadap orang berkeluarga yang melayani mereka bagaikan mereka arah Rembang. Demikianlah arah Rembang terlindung dan dijadikan selamat dan sejahtera.

SIGALOVADA SUTTA (DN 31.272)

Bentuk-bentuk balasan ini memberi bayangan bahawa peranan Sangha patut merangkumi pembelajaran, pengamalan dan pencapaian Dhamma dan berikutan itu mengajarkannya kepada rakan-rakan biarawan serta penganut bukan biarawan. Pembelajaran bukanlah

semata-mata untuk menimba pengetahuan intelektual, tetapi bertujuan membolehkan seseorang menggunakan pengetahuan tersebut dalam amalan hidup sebenar agar dapat mencapai Dhamma. Perkara ini kerap ditegaskan oleh Sang Begawan di serata Tipitaka. Pengamalan untuk memajukan diri adalah begitu penting sehingga kegagalan berbuat demikian akan membahayakan hayat *Sasana* [Ajaran Buddha]. Sehubungan ini, Sang Begawan telah mendedahkan lima bahaya pada masa depan yang para biarawan harus sedari dan berusaha untuk mengatasinya. Suatu terjemahan parafrasa berbunyi sedemikian:

Pada masa depan, biarawan yang tidak maju dalam tingkah laku, nilai suci moral, minda dan kearifan akan melibatkan diri dalam lima aktiviti yang akan menjejaskan Dhamma yang baik ini:

1. (dan 2.) *Memberi pengangkatan [ordination] (dan ajaran) kepada orang lain. Kemudiannya, mereka tidak akan berupaya*

melatih murid-murid mereka dari segi moral lebih tinggi, minda lebih tinggi dan kearifan lebih tinggi. Kemudiannya, murid-murid mereka yang tidak akan maju dari segi tingkah laku, nilai suci moral, minda dan kearifan akan memberi pengangkatan (dan ajaran) kepada yang lain pula. Mereka juga tidak akan berupaya melatih murid-murid mereka dari segi moral lebih tinggi, minda lebih tinggi dan kearifan lebih tinggi. Seterusnya, murid-murid mereka juga tidak akan maju dari segi tingkah laku, nilai suci moral, minda dan kearifan. Demikianlah Dhamma yang tercemar mengakibatkan Vinaya yang tercemar dan Vinaya yang tercemar mengakibatkan Dhamma yang tercemar.

3. *Terkeliru sendiri (dengan mencari kesalahan orang, mengkritik, mengecam, atau berkhotbah demi keuntungan dan penghormatan) dan tidak celik ketika mengkhutbahkan abhidhamma [nilai suci moral dan Dhamma lain yang lebih tinggi] dan vedalla [perkara yang berkaitan dengan ilmu dalaman (insight)]. Demikianlah Dhamma yang tercemar mengakibatkan Vinaya yang*

tercemar dan Vinaya yang tercemar mengakibatkan Dhamma yang tercemar.

4. *Tidak mendengar, coba memahami atau berminat dalam sutta-sutta yang mendalam, melampaui duniawi dan berkaitan dengan Kekosongan [Voidness] yang diperkatakan oleh Tathagata [“Yang telah pergi demikian”—suatu julukan Sang Begawan] ketika sutta-sutta itu dideklamasikan. Mereka lebih suka mendengar, coba memahami atau berminat dalam khutbah, sajak dan puisi pengikut-pengikut (bukan beragama Buddha) yang penuh dengan kata-kata yang berbunga-bunga ketika dideklamasikan. Demikianlah Dhamma yang tercemar mengakibatkan Vinaya yang tercemar dan Vinaya yang tercemar mengakibatkan Dhamma yang tercemar.*
5. *Menjadi Biarawan Senior [Elders] yang hidup dalam kemewahan, lalai, menuju kemunduran dan mengabaikan tanggung-jawab untuk bermeditasi keterpencilan. Mereka tidak akan berusaha untuk mencapai apa yang belum dicapai. Biarawan yang datang kemudiannya akan mengikuti teladan buruk mereka; dan mereka juga akan hidup*

dalam kemewahan, lalai, menuju kemunduran dan mengabaikan tanggungjawab untuk bermeditasi keterpencilan. Mereka juga tidak akan berusaha untuk mencapai apa yang belum dicapai. Demikianlah Dhamma yang tercemar mengakibatkan Vinaya yang tercemar dan Vinaya yang tercemar mengakibatkan Dhamma yang tercemar.

TATIYA-ANAGATA-BHAYA SUTTA (AN V.79)

Dengan membuat kesimpulan berdasarkan nasihat sutta tersebut, serta sutta-sutta lain yang serupa, dapat dilihat bahawa kepentingan perkembangan diri sebelum berkhotbah mestilah dititikberatkan. Walaupun tahap perkembangan diri yang diperlukan sebelum seseorang cuba mengajar yang lain adalah pilihan peribadi, keperluan minima barangkali boleh diukur dengan rangkap-rangkap Dhammapada berikut:

Seseorang sepatutnya mengukuhkan diri dalam apa yang wajar, barulah dia patut mengajar kepada yang lain. Demikiannya, orang yang arif itu tidak akan ditegur. 158

Jika seseorang itu sanggup melakukan apa yang diajarnya kepada yang lain, maka dengan adanya kawalan diri yang baik, dia dapat mengawal orang lain. Sesungguhnya, kawalan diri amatlah sukar. 159

SINDROM ALAF BARU

Dengan adanya gambaran yang berasas kukuh berkenaan dengan asal usul dan peranan sosial Sangha mengikut kitab-kitab Pali, marilah kita mengalihkan tumpuan kepada ciri-ciri penting alaf baru ini. Dengan ini, barulah kita barangkali dapat menilai peranan Sangha berkaitan dengan apa yang diperlukan, dan apa yang boleh atau harus dilakukan oleh Sangha dalam lingkungan Dhamma-vinaya.

Sebelum kita mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam, harap maklum bahawa saya tidak mengakui diri saya sebagai pakar dalam ilmu sosiologi, antropologi, perilaku, atau barang apa pun. Saya cuma ingin membuat analisis serta tinjauan yang berasaskan akal budi supaya dapat membincangkan peranan Sangha pada peringkat dasar.

Sebahagian daripada ciri-ciri penting alaf baru ini sudahpun dikenalpasti dan tersenarai dalam risalah Persidangan Global Buddhisme. Ringkasannya adalah seperti berikut:

1. Kemajuan dalam sains dan teknologi yang menawarkan lebih banyak kemudahan, keselesaan dan kemewahan mungkin memerlukan pertimbangan etika yang tidak dapat diperoleh secara langsung dalam kitab suci.
2. Corak hidup moden yang pesat serta nilai sosial yang berubah-ubah mengancam hubungan kekeluargaan tradisi yang erat.



3. Teknologi internet yang menawarkan maklumat yang hampir tidak terhad dan tidak terkawal menjejaskan perkembangan sihat golongan kanak-kanak dan remaja.
4. Keganasan politik dan keagamaan secara besar-besaran mengancam kestabilan keamanan dunia.
5. Kadar bunuh diri dan perceraian yang kian meningkat.
6. Kadar kematian akibat penyakit yang berpunca daripada tekanan hidup kian meningkat.

Tinjauan Pemulihan

Dalam Rajah 1, kolum kedua menunjukkan ringkasan langkah pemulihan yang mungkin bagi setiap keadaan yang tersebut di atas, manakala kolum ketiga menghuraikan peranan yang boleh dimainkan oleh Sangha. Perlu diingatkan bahawa percubaan ini hanyalah

RAJAH 1: TINJAUAN PEMULIHAN

Keadaan	Langkah Pemulihan yang Mungkin	Peranan yang Boleh Dimainkan oleh Sangha
Kemajuan dalam sains dan teknologi yang menawarkan lebih banyak kemudahan, keselesaan dan kemewahan mungkin memerlukan pertimbangan etika yang tidak dapat diperolehi secara langsung dalam kitab suci	<p>Penguasaan pemahaman teori tentang prinsip-prinsip etika Buddhisme secara mendalam</p> <p>Penelitian diri melalui amalan meditasi kesedaran</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memelihara kesucian ajaran Sang Buddha dengan mempelajari, mengamal dan mengajarnya kepada rakan-rakan biarawan 2. Berkongsi dengan orang biasa maklumat tentang doktrin Buddhisme, contohnya definisi pelbagai peringkat kebaikan dan keburukan, hukum karma, <i>parami</i> [kesempurnaan], pelbagai tahap kelakuan suci melalui badan, percakapan dan fikiran, dan sebagainya
Corak hidup moden yang pesat serta nilai sosial yang berubah-ubah mengancam hubungan kekeluargaan tradisi yang erat	Pendidikan bagi semua lapisan umur tentang peri pentingnya memupuk nilai moral seperti bersyukur, menghormati, bertanggungjawab, dan kasih sayang, serta mengimbangi pencapaian matlamat kebendaan dan kerohanian	<ol style="list-style-type: none"> 3. Menggalakkan amalan doktrin Buddhisme secara aktif melalui teladan dan tunjuk ajar
Teknologi internet yang menawarkan maklumat yang hampir tidak terhad dan tidak terkawal menjejaskan perkembangan sihat golongan kanak-kanak dan remaja	Disiplin, permainan video yang menonjolkan nilai dan prinsip Buddhisme, laman web Buddhisme yang mempunyai rekaan dan kandungan yang bagus, pendidikan tentang kekurangan dan keburukan menurut kehendak nafsu	<ol style="list-style-type: none"> 4. Mengajar dan menggalakkan amalan berfikir [chanting] atau melafazkan ayat-ayat suci yang dapat memberi inspirasi dan ketenangan 5. Mengamalkan dan mengajar meditasi terutamanya meditasi metta dan kesedaran
Keganasan politik dan keagamaan secara besar-besaran mengancam kestabilan keamanan dunia	Sebarkan ajaran universal tentang sifat kasih sayang, toleransi, kesabaran dan kemaafan	<ol style="list-style-type: none"> 6. Berkongsi perkara 2–5 dengan para pendidik yang berfikir terbuka dan berpengaruh, pemimpin rohaniah, pemimpin komuniti, kaunselor dan lain-lain
Kadar bunuh diri dan perceraian kian meningkat	Kaunseling, peneguhan nilai-nilai kerohanian dan moral orang ramai, meditasi	
Kadar kematian akibat penyakit yang berpunca daripada tekanan hidup kian meningkat	Pendidikan tentang amalan pemakanan yang sihat, corak hidup yang baik, senaman yang kerap, meditasi yang dapat mengurangkan tekanan	Perhatian: Untuk memainkan peranan ini secara lebih berkesan, latihan Sangha yang tradisional mungkin perlu dilengkapi dengan pendidikan dalam kaedah dan kemahiran komunikasi moden

bersifat tinjauan dan bukan merupakan cara penyelesaian yang komprehensif.

Sekadar pandangan sepintas lalu pada rajah itu pun dapat menunjukkan bahawa peranan yang boleh dimainkan oleh Sangha untuk menghadapi sindrom alaf baru masih tergolong dalam rumusan tradisinya, iaitu belajar, mengamal, mencapai dan mengajar. Untuk memainkan peranan ini secara berkesan, Sangha perlu mempunyai asas yang baik dalam bidang teori dan amalan Dhamma-vinaya. Dengan cara apa lagikah ia dapat mengajar dan membimbing orang biasa dengan betul?

Kawalan Kualiti Sangha

Lantaran sifat corak hidup dan matlamat muktamadnya, Sangha secara tradisi merupakan badan yang paling berkesan untuk mengekalkan ajaran Buddha melalui teladan dan tunjuk ajar. Oleh sebab itu, ahli Sangha pada umumnya disanjung orang biasa. Namun, bukan semestinya setiap orang yang berjubah itu pakar dalam teori atau amalan ajaran Buddha.

Kini, semakin ramai penganut agama Buddha yang terdidik berasa aib apabila menyedari adanya biarawan dan biarawati palsu yang tidak tahu malu meminta duit di pasar dan tapak penjaja. Malah terdapat kes-kes yang lebih mengejutkan lagi, seperti skandal seks yang membabitkan biarawan, dan kejadian biarawan yang begitu terlibat dalam hal ehwal sosial dan politik sehingga menghadapi kesulitan dengan pihak kerajaan. Berasaskan contoh-contoh ini, kita sedar betapa penting adanya biarawan yang sejati, terlatih dengan sempurna dan benar-benar mewakili ajaran Buddha ketika mereka menyebarkan kepada orang lain.

Ajaran-ajaran Buddha, terutamanya meditasi, semakin popular di Malaysia serta dalam budaya-budaya lain yang secara tradisi bukan beragama Buddha. Oleh itu, kita mestilah amat berwaspada agar Dhamma yang disampaikan kepada mereka yang teringinkannya adalah yang tulen. Terdapat beberapa tempat di dunia yang begitu dahaga akan Dhamma sehingga seseorang yang baru menjadi biarawan dan berpengalaman

setahun dua mudah sahaja mendapat sokongan daripada orang biasa untuk membina pusat baru dan menjadi ketua biara atau guru meditasi! Perkembangan seperti ini amat membimbangkan, memandangkan pelbagai tindakan waspada yang telah diambil oleh Sang Begawan untuk mencegah pencemaran dan kemerosotan ajarannya. Terdapat dua arahan sedemikian yang menerangkan perkara ini dengan jelasnya:

1. *Seseorang yang baru menjadi biarawan mesti berada di bawah jagaan seorang guru yang cekap sekurang-kurangnya selama lima tahun agar dapat menguasai prinsip-prinsip asas tentang Dhamma-vinaya sebelum dia dapat berdikari.*

VINAYA MAHAVAGGA, MAHAKHANDHAKA 103

2. *Seseorang guru mesti mempunyai senioriti sekurang-kurangnya sepuluh tahun di samping menguasai disiplin dan peraturan biarawan, serta mempunyai kecekapan untuk melatih murid-muridnya dalam bidang teori dan amalan moral, semadi dan perkembangan kearifan.*

VINAYA MAHAVAGGA, MAHAKHANDHAKA 85


Beberapa kesan yang tidak diinginkan akibat daripada guru-guru yang tidak berkelayakan terhadap keutuhan dan kebajikan Sangha serta Sasana, telahpun disebut terdahulu dalam terjemahan parafrasa Tatiya-anagata-bhaya Sutta dari Anguttara Nikaya. Dalam Sugatavinaya Sutta, Sang Begawan mengisytiharkan empat perkara lagi yang akan mengakibatkan kekeliruan dan pelesapan ajarannya. Secara ringkas:

1. *Para biarawan belajar daripada ayat-ayat yang tidak diturunkan dengan baik, dengan susunan perkataan yang salah. Berikutan itu, maksudnya mengelirukan.*
2. *Para biarawan sukar ditegur. Mereka keras kepala dan tidak menerima arahan dengan penuh hormat.*
3. *Para biarawan yang berilmu dan mahir dalam Dhamma dan Vinaya tidak menyempurnakan kewajipan menurunkan ayat-ayat itu kepada yang lain. Apabila mereka meninggal dunia, ayat-ayat itu terus lenyap.*
4. *Para Biarawan Senior hidup dalam kemewahan; mereka lalai, menujui kemunduran dan mengabaikan tanggungjawab untuk*

bermeditasi secara terpercil: mereka tidak berusaha untuk mencapai apa yang belum dicapai atau menyadari apa yang belum disadari. Biarawan yang datang kemudiannya mengikuti teladan buruk mereka; dan mereka juga hidup dalam kemewahan, lalai, menuju kemunduran dan mengabaikan tanggungjawab untuk bermeditasi secara terpercil. Mereka juga tidak berusaha untuk mencapai apa yang belum tercapai atau mengetahui apa yang belum diketahui.

SUGATAVINAYA SUTTA (AN 4.160)

Sutta di atas mencerminkan satu tema berulang dalam ajaran Buddha mengenai masa depan Sasana. Bukan sekadar belajar dan mengajar ayat-ayat suci yang penuh murni itu penting, tetapi sifat merendah diri dan sudi dilatih oleh orang lain, dan usaha untuk memupuk nilai suci moral, ketenangan dan kearifan secara tabah hati, juga tidak kurang pentingnya. Ramai penganut agama Buddha barangkali berasa bangga melihat penyebaran amalan meditasi Buddha secara begitu luas dan cepat di seluruh dunia. Di negara-negara yang



secara tradisi beragama Buddha, seperti Myanmar, Sri Lanka, Thailand, Jepun, Korea dan Taiwan, banyak pusat meditasi berkembang dengan adanya sokongan antarabangsa. Memang tidak dapat diragui bahawa ramai yogi antarabangsa telah mendapat manfaat di bawah bimbingan guru mereka yang kebanyakannya biarawan atau biarawati. Pengalaman peribadi yang mendalam dalam meditasi telah mendorong sebilangan mereka menjadi biarawan atau biarawati.

Malangnya, kebanyakan pusat meditasi ini tidak menyediakan latihan berbentuk teori dan amalan tatatertib biarawan. Keadaan ini memang dapat difahami dalam konteks negara-negara yang secara tradisi beragama Buddha. Di situ, terdapat banyak biara pengajian yang telah lama ditubuhkan untuk membolehkan biarawan tempatan melanjutkan pelajaran dan latihan kebiaraan. Dalam biara sebegini, biarawan asing berada dalam keadaan kekurangan kerana jarang ada guru yang boleh berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa asing, contohnya Bahasa Inggeris. Akibatnya, ramai biarawan asing yang pulang ke tanah air mereka atau mengembara ke negara lain barangkali belum menerima latihan yang cukup untuk berkelakuan mengikut disiplin dan peraturan kebiaraan. Keadaan sebegini tidak membawa petanda yang baik bagi masa depan Sasana.

Sebagai mana yang telah saya sebutkan terdahulu, soal sah dan pelaksanaan tatatertib moral bagi Sangha boleh dikelaskan kepada tiga bahagian tumpuan yang luas: latihan untuk

perkembangan individu, peraturan demi kehidupan komunal yang harmoni, dan hubungan Sangha dengan orang biasa. Kehidupan sebagai ahli Sangha dalam pusat meditasi, yang memberi penekanan kepada meditasi intensif, tidak memberi pengalaman yang menyeluruh berkenaan kehidupan seorang biarawan. Walaupun meditasi merangkumi suatu aspek yang penting dalam latihan perkembangan individu, terdapat banyak lagi aspek Vinaya yang tidak dapat dipelajari dalam suluk meditasi intensif. Aspek-aspek ini meliputi ajaran-ajaran yang saling melengkapi berkenaan dengan tabiat dan kelakuan berdasarkan kesabaran, kemaafan, sifat rendah hati, kasih sayang, belas kasihan, sifat turut gembira [sympathetic joy], ketenangan minda dan sifat bertanggungjawab.

Tidaklah sukar untuk kita memahami bahawa sifat-sifat murni tersebut sememangnya mustahak bukan sahaja bagi perkembangan individu, malah juga bagi kehidupan komunal yang harmoni serta hubungan yang bertanggungjawab antara Sangha dengan orang biasa.

Malahan saya sudi memberanikan diri untuk mencadangkan bahawa latihan komprehensif yang disyorkan dalam kitab-kitab Vinaya merupakan pendekatan holistik untuk membentuk biarawan yang serba boleh. Dilengkapi dengan latihan dalam kaedah dan kemahiran komunikasi semasa, termasuk opsyen pendidikan IT yang berkaitan, maka biarawan yang serba boleh itu akan berupaya menyesuaikan diri dengan cekap dalam peranan Sangha dalam alaf baru ini.

RINGKASAN

Saya telah membincangkan pelbagai aspek peranan Sangha: dari apa yang diperlukan untuk mencapai matlamatnya yang luhur, sampailah ke kewajipan sosial yang lebih bersifat duniawi. Izinkan saya ringkaskan aspek-aspek itu di bawah tiga bahagian utama: peranan yang lebih bersifat introvert, peranan yang lebih bersifat sosial dan kawalan kualiti Sangha.

Peranan yang Lebih Bersifat Introvert

1. Sangha atau komuniti biarawan mengamalkan corak hidup yang ternyata bersifat pertapaan berbanding dengan corak hidup golongan berkeluarga. Peninggalan hal ehwal duniawi adalah sesuatu yang penting, ataupun wajib, demi kebebasan mutlak daripada segala kedukaan.
2. Secara ideal kehidupan biarawan patut diserahkan khas kepada usaha untuk mencapai matlamat unggul ini. Usaha ini meliputi amalan tatatertib moral dan menghindari mata penghidupan yang salah, kawalan deria dengan usaha berterusan dalam kesedaran dan pemahaman jelas, dan meditasi.
3. Keutamaan Sangha yang introvert sebegini tidak dapat berfungsi secara sendiri. Kebebasan yang diperolehnya dengan tidak melibatkan diri dalam hal ehwal duniawi—oleh sebab adanya penyokong bukan biarawan yang ikhlas membekalkan keperluan

hidup kepada para biarawan—harus dibalas dengan anugerah Dhamma. Ini boleh dilakukan melalui dua cara: teladan dan tunjuk ajar.

4. Yang terutamanya ialah contoh biarawan ideal yang berdisiplin, berkawalan deria, sentiasa sedar, berkepuasan hati, hidup bersuluk dan berminda meditasi. Biarawan sebegini mencerminkan Sangha yang beramal baik, dan oleh itu mereka wajar disanjung dan diberi barang sembahkan bagaikan mereka “sawah pahala yang tiada



tandingan di dunia”. Biarawan sebegini menjadi teladan baik supaya “mereka yang belum senang hati (terhadap Sangha) akan disenangkan hatinya dan mereka yang telah senang hati akan bertambah bilangannya”.

Peranan yang Lebih Bersifat Sosial

1. Bentuk balasan yang satu lagi adalah kurang introvert dan lebih “berketerlibatan sosial”, iaitu berkongsi Dhamma dengan para penyokong bukan biarawan secara menyebarkan kasih sayang, memberi bimbingan moral, mengajar, berbincang dan sebagainya.
2. Secara ideal, semua biarawan yang baik harus “bayar” untuk segala barang keperluan yang diberikan kepada mereka dengan anugerah-anugerah Dhamma tersebut mengikut pilihan mereka masing-masing.
3. Bentuk-bentuk balasan ini memberi bayangan bahawa peranan Sangha patut merangkumi pembelajaran, pengamalan dan pencapaian Dhamma dan berikutan itu

mengajarkannya kepada rakan-rakan biarawan serta penganut bukan biarawan. Pembelajaran bukanlah semata-mata untuk menimba pengetahuan intelektual, tetapi bertujuan membolehkan seseorang menggunakan pengetahuan tersebut dalam amalan hidup sebenar agar dapat mencapai Dhamma.


4. Bukan sekadar belajar dan mengajar ayat-ayat suci yang penuh murni itu penting, tetapi sifat merendah diri dan sudi dilatih oleh orang lain, dan usaha untuk memupuk nilai suci moral, ketenangan dan kearifan secara tabah hati, juga tidak kurang pentingnya.
5. Sesuatu tahap perkembangan diri yang tertentu adalah perlu sebelum seseorang cuba mengajar yang lain. Walaupun hal ini agak subjektif, keperluan minima yang dicadangkan dalam Dhammapada ialah:
 - i* berteguh dalam apa yang wajar
 - ii* berkawalan diri dengan mengamalkan apa yang dikhutbahkan olehnya.

Kawalan Kualiti Sangha

1. Walaupun secara tradisi Sangha merupakan badan yang paling berkesan untuk mengekalkan ajaran Buddha, bukan setiap orang yang berjubah semestinya pakar dalam ajaran itu. Terdapat semakin banyak laporan yang mendedahkan tentang biarawan dan biarawati yang berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai, dan ramai antara mereka adalah yang palsu. Oleh itu, kawalan kualiti Sangha harus dijadikan salah satu keutamaan yang tertinggi bagi Sangha dalam alaf baru ini. Biarawan yang sejati, terlatih dengan sempurna dan benar-benar mewakili ajaran Buddha adalah diperlukan untuk menyebarkannya kepada orang lain.
2. Walaupun meditasi merangkumi satu aspek latihan yang penting, terdapat banyak lagi aspek Vinaya yang tidak dapat dipelajari dalam suluk meditasi intensif. Aspek-aspek ini meliputi ajaran-ajaran yang saling melengkapi dan menggalakkan keharmonian komunal serta menjalin hubungan yang

bertanggungjawab antara Sangha dengan orang biasa.

3. Latihan komprehensif yang disyorkan dalam kitab-kitab Vinaya merupakan pendekatan holistik untuk membentuk biarawan yang



serba boleh. Dilengkapi dengan latihan dalam kaedah dan kemahiran komunikasi semasa, pendekatan sedemikian dapat melahirkan biarawan yang berkelayakan dan berupaya menyesuaikan diri dengan cekap dalam peranan Sangha dalam alaf baru ini.

Kesimpulan

Perkataannya mungkin berlainan, penyataannya bersifat sezaman dan kaedahnya berteknologi tinggi; tetapi peranan asas Sangha masih tergolong dalam nasihat Sang Begawan: pembelajaran, pengamalan dan pencapaian Dhamma, dan berikutan itu mengajarnya kepada rakan-rakan biarawan dan penganut bukan biarawan.

Saya berpendapat bahawa dalam alaf baru ini, keutamaan patut diberi kepada latihan kebiaraan yang sempurna supaya ahli Sangha yang berkelayakan dapat dilahirkan untuk memberi ilham dan bimbingan kepada mereka yang memerlukan. Pelbagai usaha harus dibuat untuk

menggalak dan membangkitkan semangat para belia supaya menjadi biarawan yang bertanggung-jawab dan berbelas kasihan. Sementara itu, pelbagai langkah harus diambil untuk mencari guru-guru yang berkeelayakan dan boleh memberi latihan kebiaraan berdasarkan sukatan yang berikut:

1. Pemahaman praktikal tentang Vinaya yang meliputi tiga bahagian utama:
 - latihan untuk perkembangan individu
 - peraturan demi kehidupan komunal yang harmoni
 - hubungan antara Sangha dengan orang biasa
2. Teori dan amalan meditasi agama Buddha
3. Pengajian ajaran dan sutta-sutta agama Buddha yang berkenaan untuk menghadapi sindrom alaf baru.

4. Kemahiran penyebaran semasa, dengan opsyen dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan komunikasi massa dan teknologi maklumat.

Pada masa yang sama, kesedaran proaktif tentang peri pentingnya pendidikan rohaniah atau moral perlu disemaikan di kalangan orang awam, terutamanya organisasi agama Buddha dan individu-individu yang berpengaruh dalam bidang pendidikan, perkembangan komuniti, amalan kerohanian, komunikasi massa dan perkhidmatan sosial. Ini akan menyediakan kerja asas bagi ahli Sangha yang berkelayakan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan mereka yang berminat, terutamanya orang awam yang berfikiran terbuka dan berpengaruh, seperti para pendidik dan pemimpin komuniti, yang kemudiannya dapat menyebarkan maklumat itu dengan lebih berkesan kepada golongan masyarakat sasaran mereka masing-masing, iaitu tanpa konotasi keagamaan atau dengan konotasi keagamaan yang sesuai mengikut

keadaannya. Memang diakui bahawa berpakaian jubah kadang kala boleh menjadi penghalang kepada penyebaran kebenaran sejagat terutamanya kepada mereka yang mempunyai pertalian yang erat dengan pandangan bukan Buddhisme.


Penyebaran maklumat secara berkesan adalah penting, tetapi perlaksanaannya jauh lebih penting. Oleh itu, guru-guru bukan biarawan yang terlatih dengan sempurna patut mengambil tindakan susulan dengan mengendalikan kursus, bengkel dan sebagainya untuk melaksanakan, mengawasi dan mengembangkan penggunaan prinsip-prinsip ini sebagai langkah pemulihan yang mungkin untuk menghadapi sindrom alaf baru.

Struktur pelaksanaan cadangan ini ditunjukkan dalam Rajah 2.

Sebagai kesimpulan, izinkan saya cadangkan bahawa Sangha akan dapat memainkan peranan sepanjang zamannya dalam alaf baru ini secara lebih berkesan dengan sokongan dan kerjasama daripada orang biasa yang berfikiran terbuka,

berpengaruh serta terlibat secara erat dalam pendidikan, komunikasi massa, perkembangan komuniti, amalan kerohanian dan perkhidmatan sosial. Terima kasih.

RAJAH 2: STRUKTUR PERLAKSANAAN TENTANG



PERANAN SANGHA YANG DICADANGKAN

Menyemai kesedaran proaktif tentang peri pentingnya pendidikan rohaniah atau moral di kalangan orang awam



Orang yang berpengaruh menyebarkan maklumat kepada golongan masyarakat sasaran mereka



Guru bukan biarawan mengendalikan bengkel dan kursus lain tentang penggunaan ajaran



Biarawan yang berke Layakan mengajar orang biasa, terutamanya mereka yang berfikir terbuka dan berpengaruh



Mengawasi dan mengembangkan penggunaan prinsip-prinsip tersebut





Yang Mulia Aggacitta Bhikkhu ialah seorang biarawan Malaysia bertradisi Theravada yang menerima *upasampada* (pengangkatan menjadi bhikkhu) di Pusat Meditasi Mahasi, Rangoon, Burma, pada tahun 1979. Beliau telah berlatih dengan beberapa guru ternama seperti Sayadaw U Pandita (Panditarama), Sayadaw U Tissara (Biara Rimba Yankin), dan Sayadaw U Acinna (Biara Rimba Pa Auk).

Selain daripada latihan meditasi, beliau juga mempelajari Bahasa Pali peringkat lanjutan dan penterjemahan ke Bahasa Thai dan Myanma di bawah bimbingan Sayadaw U Dhammananda di Wat Tamaoh, Lampang, Negeri Thai dari tahun 1983 hingga 1984. Beliau meneruskan pengajian Tipitaka Pali dan membuat kajian tentang interpretasi serta amalannya di Myanmar sehinggalah beliau kembali ke Malaysia pada akhir tahun 1994.

Pada tahun 2000, beliau mengasaskan Sasanarakkha Buddhist Sanctuary (SBS), sebuah pusat latihan biarawan bertradisi Theravada yang bersandar di antara anak-anak sungai dan lembah terpencil berhampiran dengan Taiping, Perak, Malaysia.

Beliau berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Hokkien, Myanma, Thai dan Pali. Antara sumbangan tulisan beliau yang utama ialah:

- *Discourse on Atanatiya Protection* [Khutbah Perlindungan Atanatiya] (diterjemah, 2003)
- *Role of Sangha in the New Millennium: The Monastic Perspective* [Peranan Sangha dalam Alaf Baru: Perspektif Biarawan] (dikarang, 2002)

- *Kathina Then and Now* [Kathina pada Masa Dahulu dan Kini] (dikarang, 2001)
- *Dying to Live: The Role of Kamma in Dying and Rebirth* [Mati supaya dapat Hidup Semula: Peranan Karma ketika Kematian dan Kelahiran Semula] (dikarang, 1999)
- *In This Very Life* [Pada Hayat Ini Juga] (diterjemah, 1993)
- *Dhamma Therapy* [Therapi Dhamma] (diterjemah, 1984)
- *The Importance of Keeping the Five Precepts* [Kepentingan Mengamalkan Pancasila] (dikarang, 1982)

Buku kecil ini yang dicetak
bersempena dengan hari
Kathina SASANARAKKHA
BUDDHIST SANCTUARY pada
tahun 2003 merupakan kertas
yang dikemukakan oleh
Bhante Aggacitta dalam
forum “Peranan Sangha
dalam Alaf Baru” pada
Persidangan Global
Buddhisme yang diadakan di
Shah Alam, Malaysia pada
Disember 2002. Ia
menerangkan secara
terperinci rasional dan
perlunya pelbagai jenis
biarawan yang terlatih dalam
masyarakat moden ini.
SASANARAKKHA BUDDHIST
SANCTUARY, sebuah pusat
latihan biarawan yang
bersandar di antara anak-
anak sungai dan lembah